

TEKS UCAPAN

Naib Canselor UniMAP

Brig. Jen. Dato' Prof Dr Kamarudin Hussin

Sempena Majlis Menandatangani MoU

Antara

UniMAP dan Universitas Padjadjaran (UNPAD) Bandung

Indonesia Pada 25 Jun 2011

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, merangkap Tuanku Canselor Universiti Malaysia Perlis, dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia, Tuanku Hajah Lailatul Shahren Akashah Khalil, yang juga Tuanku Pro Canselor UniMAP.

Ampun Tuanku sembah patik mohon diampun,

Adalah patik dengan segala hormat takzimnya, memohon ampun merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli-duli Tuanku bercemar Duli berangkat ke Majlis Menandatangani MoU antara UniMAP dan Universitas Padjadjaran (UNPAD) Bandung hari ini. Sesungguhnya perkenan Duli-duli

TuanKu bercemar Duli berangkat ke majlis ini membawakan seribu pengertian buat kami.

Ampun TuanKu, patik memohon izin dan limpah perkenan TuanKu untuk patik memberi sepatah dua kata kepada para hadirin.

Ampun TuanKu,

Salutation:

Yang Saya Hormati Saudara / Saudari Pengerusi Majlis,

Yang Amat Berhormat Dato' Azizan bin Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

Yang Berbahagia Datuk Dr. Junaidi Abu Bakar, Pengarah Jabatan Penuntut Malaysia di Indonesia

Yang Dihormati Prof. Dr. Ir Ganjar Kurnia, Rektor UNPAD

Yang Dihormati Prof. Dr. Akhalaoma, Rektor ITB

Tetamu-Tetamu Jemputan

Seterusnya, Hadirin Yang Saya Hormati.

Wakil-wakil media cetak dan elektronik,

Seterusnya hadirin yang saya hormati sekalian.

Alhamdulillah, syukur saya panjatkan ke hadhrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya maka dapat kita sama-sama berkumpul pada hari yang berbahagia ini untuk Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universitas Padjadjaran (UNPAD) Bandung, Indonesia.

Untuk makluman semua, UniMAP merupakan sebuah universiti kejuruteraan dan merupakan Universiti awam ke – 17 di Malaysia. Ditubuhkan pada tahun 2002 dan dikenali sebagai Kolej Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM). Pada 1 Februari 2007, KUKUM melalui penjenamaan semula telah ditukar namanya menjadi UniMAP.

Sehingga kini UniMAP telah mempunyai **enam** program pengajian diploma, **dua puluh satu** program pengajian Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan, **satu** program Pengajian Perniagaan Antarabangsa, **satu** program Pengajian Keusahawanan Kejuruteraan, **tiga belas** program Ijazah Sarjana Sains dan ke semua pusat pengajian kejuruteraan menawarkan program pengajian peringkat doktor falsafah/Ph.D dalam pelbagai bidang khusus kejuruteraan.

Pada hari ini saya amat gembira kerana Universiti Padjadjaran bersetuju untuk menjalinkan kerjasama dengan UniMAP dalam beberapa perkara seperti ;

I. Program Pertukaran Staff

Pensyarah/dosen dari kedua-belah pihak boleh melawati institusi yang berkenaan melalui program:

- Program pasca-kedoktoran (Post-doctoral programme)
- Program pertukaran pensyarah (jangka pendek 6-12 bulan)
- Profesor pelawat
- Penyelidik pelawat
- Pengajaran/pembelajaran serta latihan

II. Program Pertukaran Pelajar

Para pelajar dari kedua-dua institusi boleh melawat kedua-dua kampus melalui program:

- Lawatan jangka pendek untuk program-program S1 (prasiswazah), S2 dan S3 (pasca-siswazah)
- Program kesukanan dan kebudayaan
- Penganjuran bersama bengkel, pameran atau projek tahun akhir (seperti persidangan tahunan bagi pelajar pasca-siswazah)
- latihan industri / sangkutan industri / inkubator untuk pelajar perniagaan (program 2+1 program, 2 bulan di Malaysia +1 bulan di Indonesia)

III. Program Seminar

Penganjuran bersama perjumpaan ilmiah/pameran/simposium menggunakan dana dan kemudahan dari kedua-belah pihak berasaskan common interest.

IV. Program Kerjasama Penyelidikan

Program ini bagi membolehkan pensyarah/dosen dari kedua-dua institusi bekerjasama di dalam:

- Penyelidikan bersama di dalam topik tertentu
- Penyeliaan bersama program MSc/PhD
- Penerbitan bersama di dalam persidangan/jurnal
- Pemeriksa luar

Hadirin yang saya hormati sekalian,

Besarlah harapan saya ini agar kerjasama yang akan dijalinan ini menjadi titik permulaan kepada kita dalam memacu institusi pengajian masing-masing agar lebih berdaya saing serta dikenali di peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, saya mewakili UniMAP, dengan berbesar hati menjemput delegasi dari Universitas Padjadjaran untuk melawat UniMAP.

**Darilah Malaysia, Terbang Ke Indonesia,
Ke Kota Bandung, Mencari Rakan,
Memacu Universiti, Ke Persada Dunia,
Kerjasama Dijalin, Hubungan Dieratkan.**

Ampun Tuanku sembah patik mohon diampun,

Sekian sahajalah ucapan patik pada hari ini. Bagi mengakhiri ucapan patik ini, patik bagi pihak Universiti Malaysia Perlis sekali lagi merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih di atas perkenan Duli-duli Tuanku bercemar duli berangkat ke Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universitas Padjadjaran (UNPAD) Bandung, Indonesia.

Sekian. Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.